

## KONSEPSI RAJA DALAM PANDANGAN RAJA ALI HAJI

Azman Yusof dan Mariati Mohd Salleh

Islamic Centre (UMIC)  
Universiti Kuala Lumpur Campus Cwgn Malaysian Institute Of Chemical And  
Bioengineering Technology (UniKL MICET)  
*azmanyusof@unikl.edu.my*

### ABSTRAK

Raja ialah orang yang mengetuai dan memerintah sesebuah negara yang diwarisi daripada raja sebelumnya. Dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia, definisi raja disempitkan lagi dengan maksud *ketua negeri bagi Negerinya* seperti Raja Perlis ialah Ketua Negeri Perlis, Raja Selangor ialah ketua Negeri Selangor dan seumpamanya (Perlembagaan Persekutuan Malaysia). Perbezaan pengertian sudah tentu akan mewujudkan perbezaan persepsi terhadap terhadap peranan raja yang sebenarnya. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti konsepsi raja dalam pandangan Raja Ali Haji. Metodologi kajian adalah berasaskan kepada analisis karyanya *Thamarat al-Muhimmah*. Karya ini dikategorikan sebagai karya ketatanegaraan iaitu genre yang membicarakan tentang tatacara urus tadbir negara. Walaupun karyanya *Muqaddima fi Intizam* juga dikategorikan karya ketatanegaraan namun *Thamarat al-Muhimmah* merupakan karyanya yang lebih lengkap dan bermakna. Hasil kajian mendapat bahawa konsepsi beliau terhadap raja dari segi tanggungjawabnya adalah sinonim dengan khalifah, sultan dan imam. Justeru itu, raja perlu ditaati dan dihormati bukan kerana keturunan atau status semata-mata tetapi kerana peranan atau tanggungjawab yang diamanahkan kepadanya itu.

**Kata Kunci:** Konsepsi, Raja, Raja Ali Haji, *Thamarat al-Muhimmah*

*The King's Concept in the View of King Ali Hajj*

### ABSTRACT

*A king, known as Raja or Sultan in Malay, is the leader or ruler of a sovereign, a position which is inherited from the previous king. In the Malaysian Federal Constitution, a raja is simply defined as a ruler of a state, such as the Raja of Perlis is the ruler of the state of Perlis, and the Sultan of Selangor is the ruler of the state of Selangor (Malaysian Federal Constitution). Differences in understanding will of course create differences in perceptions of the actual role of the king. This study aims to discuss the concept of a king based on the opinions of Raja Ali Haji. The methodology of the study is based on the analysis of his work Thamarat al-Muhimmah.*

*His text, Thamarat al-Muhimmah was used as the basis of this study which is categorized as a constitutional work genre that discusses on the constitutional administration of a country. Even though Muqaddima fi Intizam is also categorized as a constitutional text, but Thamarat al-Muhimmah is more comprehensive and meaningful. The results of this study found that his conception of a king in terms of his responsibilities was synonymous with the powers entrusted upon caliphs, sultans and imams. Therefore, a king must be obeyed and respected not because of their lineage and status, but due to the roles and responsibilities entrusted upon them.*

**Keywords:** The roles of King, Raja Ali Haji, Thamarat al-Muhimmah

## PENGENALAN

Sebelum kedatangan Barat ke Alam Melayu, masyarakat tempatan hanya mengenali sistem beraja dalam urusan pemerintahan negara. Daripada perkataan ‘raja’ inilah munculnya ‘kerajaan’, suatu istilah yang merujuk kepada pemerintahan sesebuah negara yang berorganisasi dan diguna pakai hingga kini. Pada masa itu, sistem monarki yang diamalkan itu pula tebal dengan pengaruh Hindu-Budha. Umpamanya konsep ‘dewa raja’ iaitu wakil dewa di bumi; raja dianggap pemerintah yang luhur dan suci. Tujuannya ialah supaya rakyat menumpahkan kesetiaan yang tidak berbelah bahagi kepada raja. Sebaliknya raja, daripada segi prinsipnya tidak perlu membala kesetiaan rakyat dan boleh berbuat sesuka hati kerana di anggap sebagai figura pemilik zat yang suci serta bertaraf ‘shakti’.

Selepas kedatangan Islam, konsep dewa raja telah digantikan dengan *zill Allah fi al-'alam*, *zill Allah fi al-'ardi*, payung dan tombak Allah di dunia (Suzana dan Muzaffar, 2008) serta lain-lain istilah bernada Islam yang menggambarkan fungsi raja sebagai wakil kepada Allah dan Rasul-Nya yang bertanggungjawab ke atas pengembangan dan penegakan syariat Islam atas rakyat yang berada di bawah pemerintahannya (Muhammad Ikhlas, 2018). Sehubungan dengan itu, gelaran ‘sultan’ diterima pakai secara meluas bagi menggambarkan fungsi mereka yang sebenarnya. Daripada perkataan ‘sultan’ ini, lahirlah istilah ‘kesultanan’, juga merujuk kepada pemerintahan sesebuah negara dimana hierarki tertingginya ialah sultan yang berkuasa mutlak. Menurut Auni Abdullah, pembentukan kesultanan dalam tradisi pemerintahan di Alam Melayu adalah satu manifestasi dari proses Islamisasi iaitu daripada pengaruh Hindu kepada pengaruh Islam (Auni Abdullah, 2005). Dengan erti kata lain mereka berfungsi sebagai “ketua agama” dan “ketua umat Islam” yang berada di bawah kesultannya. Pandangan ini dikuatkan lagi jika merujuk kepada Sultan Jamalul Kiram menggariskan fungsi raja/sultan sebagaimana berikut (Cesar Adib, 1988):

- i. Sultan merupakan wakil umat Muhammad dan raja mutlak bagi wilayah-wilayah yang dimilikinya. Sultan menjadi ketua agama

Muhammad, dan hukum-hukum sultan yang adil hendaklah ditaati oleh semua rakyat.

- ii. Sultan mempunyai segala kuasa dalam wilayahnya, tidak seorang pun yang mempunyai hak menentang sultan, kerana taraf sultan adalah tertulis oleh Rasul bahawa sultan adalah ‘bayangan Tuhan’ dalam negeri pemerintahannya.
- iii. Sultan merupakan tempat untuk mendapatkan keadilan oleh semua rakyatnya serta pedagang-pedagang, sultan bertanggungjawab agar keadilan itu dijalankan dengan saksama.
- iv. Sultan mempunyai hak untuk memberikan kekuasaannya kepada sesiapa sahaja yang difikirkan layak olehnya, biarpun kalau orang itu dari golongan bawahan, jika sifat dan kebolehannya lebih tinggi daripada orang-orang yang berkedudukan tinggi daripada beliau sendiri, dan jika dengan berbuat demikian, manfaat boleh didapati untuk kebaikan negeri. Orang yang seperti itu mempunyai hak untuk menumpukan minat mereka kepada hal ehwal negeri. Oleh yang demikian, sultan boleh berbuat sesuka hatinya, kerana sultan mempunyai kuasa mutlak menurut hukum dan keadilan di dalam negeri-negeri di bawah kesultanananya.
- v. Sultan hendaklah menggesa setiap rakyatnya supaya berkelakuan baik dan menghindari semua bentuk jenayah sebagaimana Nabi Adam a.s. dijadikan khalifah bagi menerima dan melaksanakan amanah Allah dan untuk menegakkan keamanan dan keadilan (Mahmud Saedon, 1996). Firman Allah s.w.t dalam Surah al-Sad, ayat 26 yang bermaksud:
- vi. *“Wahai Daud, sesungguhnya kami menjadikan kamu khalifah di muka bumi, maka berilah keputusan (hukuman) diantara manusia dengan adil dan janganlah kamu mengikut hawa nafsu, kerana ia akan menyesatkan kamu dari jalan Allah, sesungguhnya orang-orang yang sesat dari jalan Allah akan mendapat azab yang berat kerana mereka melupakan hari perhitungan”*
- vii. Sultan hendaklah menjadi bapa kepada semua rakyatnya, setiap rakyat hendaklah dipandang saksama pada pertimbangan sultan, sultan tidak boleh beza membeza diantara rakyat atasan dengan yang bawahan; keadilan hendaklah dijalankan tanpa prasangka.
- viii. Sultan hendaklah bersikap lemah lembut dalam menjatuhkan hukuman ke atas rakyatnya kerana ada firman di dalam al-Quran yang berbunyi: *“Tuhan Maha Pengampun kepada setiap insan”*.
- ix. Sultan tidak boleh terus bertindak berdasarkan nasihat para menterinya sahaja tanpa membuat pertimbangan, kerana tindakan mereka tidaklah sentiasa adil. Terdapat peraturan untuk memandu sultan-sultan yang beragama Islam sama ada di langit atau di muka bumi ini.
- x. Sultan hendaklah menjaga supaya setiap umatnya mengetahui dan fasih dalam soal agama Islam, undang-undang dan adat. Supaya rakyat sentiasa berdamping dengannya, sultan hendaklah menjadikan dirinya sebagai penyuluhan kepada rakyatnya, kerana jika tidak ada penyuluhan dalam rumahnya maka penghuni-penghuninya akan berada di dalam

kegelapan; demikianlah juga sebuah negeri yang tidak mempunyai orang-orang yang bijaksana.

Oleh itu, kajian ini akan meneliti konsepsi raja dalam pandangan Raja Ali Haji berdasarkan karya ketatanegaraannya *Thamarat al-Muhimmah*. Judul lengkap karya ini ialah *Thamarat al-Muhimmah Diyafah li al-Umara'i wa al-kubara'i li ahl al-Mahkamah* yang diterjemahkan sendiri oleh pengarangnya dengan *Buah-buahan yang di cita-cita jadi jamuan bagi raja-raja dan bagi orang besar-besar yang mempunyai pekerjaan di dalam tempat berhukum atau terjemahan bebasnya ialah perkara-perkara penting yang perlu diperhatikan kepada para pemerintah dan para pembesar sebagai ahli mahkamah*. Ia selesai ditulis pada tahun 1275 H bersamaan 1859 M dan pertama kali dicetak pada tahun 1886 M oleh percetakan Pejabat Kerajaan di Lingga selepas 16 tahun penulisnya meninggal dunia (Abdul Jalil, 2002).

### **Pernyataan Masalah**

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti konsepsi raja dalam pandangan Raja Ali Haji. Hal ini penting kerana beliau merupakan salah seorang tokoh yang telah memainkan peranan utama meletakkan nama Riau sebagai pusat keilmuan dan persuratan Islam. Sebagai seorang penasihat yang paling kanan kepada pemerintah Riau–Lingga pada masa itu terutama kepada sepupunya Yang Dipertuan Muda Raja Ali, beliau tergolong sebagai seorang yang arif dalam undang-undang dan adat istiadat Melayu. Menurut Abu Hassan (1980) pengaruh pemikirannya terhadap perkembangan dunia Melayu sangat ketara melalui karya-karyanya dalam pelbagai bidang seperti bahasa, sastera, ketatanegaraan dan lain-lain. Sebagai ibu negeri Kerajaan Riau-Lingga, Pulau Penyengat pada waktu itu menjadi tumpuan kegiatan persuratan Islam di Alam Melayu dan juga terkenal sebagai pusat kegiatan tasawuf terutamanya bagi pengikut tarekat Naqsyabandiah (Virginia, 1998). Justeru, dapatan daripada kajian ini akan dapat menjadi panduan dan rujukan kepada pengkaji-pengkaji lain pada masa akan datang.

### **Objektif Kajian**

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti konsepsi raja dalam pandangan Raja Ali Haji. Untuk mencapai objektif kajian, pengkaji akan menganalisis kitab *Thamarat al-Muhimmah* yang merupakan karya ‘*master piece*’ beliau dalam bidang ketatanegaraan.

### **METODOLOGI KAJIAN**

Metodologi kajian ini adalah penelitian deskriptif kualitatif. Analisis kandungan dalam kajian ini adalah satu metod kajian secara kualitatif untuk mengkaji hasil yang telah direkodkan dalam bentuk tulisan (teks).

Pendekatan analisis isi kandungan teks ini dilakukan secara terperinci dan sistematis. Aspek penting yang akan diberikan perhatian serius oleh pengkaji ialah tentang pemikiran penulis dalam penyusunan idea-idea yang berkaitan dengan raja dan tanggungjawabnya. Ahmad Sunawari (2007) menyatakan terdapat tiga ciri kaedah analisis kandungan bagi memastikan hasil kajian dapat dihasilkan dengan baik, iaitu:

- i. Bersifat objektif, iaitu dirancang berdasarkan peraturan dan prosedur;
- ii. Bersifat sistematik iaitu maklumat disusun mengikut sistem yang telah ditetapkan, dan;
- iii. Bersifat umum iaitu hasil kajian berada dalam lingkungan teori-teori yang ditentukan.

## DAPATAN KAJIAN

### Konsepsi Raja dalam pandangan Raja Ali Haji

Konsepsi raja dalam pandangan Raja Ali Haji adalah selari dengan pandangan Sultan Jamalul Kiram. Malah, secara jelas lagi tersurat beliau menghubungkan ‘raja’ dengan makna khalifah, sultan, dan imam. Tindakan ini secara tidak langsung ia dapat meningkatkan legitimasi dan kewibawaan raja di mata rakyat. Di samping itu, penghayatan terhadap konsep ini akan meningkatkan iltizam dan rasa tanggungjawab raja dalam memenuhi perintah Ilahi.

#### a. Khalifah

Perkataan khalifah berasal daripada kata *khalafa* yang bererti belakang (M. Quraish Shihab, 1992). Dari segi etimologi, khalifah bermaksud seseorang yang datang dari belakang sebagai pengganti bagi melaksanakan tugas dan kerja orang lain (Idris, 1984). Selalu digunakan perkataan khalifah itu sebagai pengganti atau penguasa. Manakala dari segi istilah, khalifah bermaksud seseorang yang dilantik sebagai ketua negara yang berautoriti dalam mentadbir urusan agama dan politik dunia secara adil (Yahaya dan Kamarul Azmi, 2006).

Dalam tradisi Islam, khalifah bermaksud pengganti kepada Rasulullah s.a.w. sebagai ketua orang-orang Islam dan orang-orang beriman (Auni Abdullah, 2005). Sistem kekhalifahan ini bermula dengan perlantikan Syaidina Abu Bakar al-Siddiq r.a. sejurus selepas kewafatan Rasulullah s.a.w. Semenjak itu, selama enam abad, sistem ini telah menjadi teras dan simbol pemerintahan Islam. Khalifah bukan sahaja dianggap ketua orang-orang Islam bahkan sebagai penaung kepada kerajaan-kerajaan kecil yang dipimpin oleh umat Islam di seluruh pelosok dunia. Justeru, dengan mengaitkan diri dengan sistem kekhalifahan dapat meningkatkan legitimasi dan keabsahan kepada kerajaan masing-masing.

Antara tugas asasi khalifah ialah menegakkan keadilan, menjaga kebaikan rakyat, menyayangi rakyat, menegakkan syariat Allah s.w.t., membimbing rakyat ke jalan kebaikan, menunjukkan contoh teladan yang baik, memandu manusia dalam urusan keagamaan dan keduniaan, serta menjaga hubungan baik dengan masyarakat bukan Muslim (*zimmi*). Tugas asasi sebagai khalifah Islam ini merupakan tugas utama yang akan memberikan kebaikan kepada rakyat yang diperintah (Yahaya dan Kamarul Azmi 2006).

Mengenai makna raja, Raja Ali Haji telah membawa pembaharuan yang bermanfaat apabila menghubungkannya dengan makna khalifah terutamanya dari aspek tanggungjawab. Matlamatnya jelas iaitu mahu memartabatkan institusi raja sejajar dengan ajaran Islam. Beliau menyatakan bahawa raja dari segi maknanya adalah: “*Bermula makna raja itu jika dikata raja itu dengan makna khalifah iaitu khalifah Rasulullah s.a.w pada mendirikan Islam dan menghukumkan akan segala hamba Allah dengan hukuman Quran dan hadith dan ijmak*” (Raja Ali, 1999).

Pandangan Raja Ali Haji ini bertepatan dengan teori *jurisprudence* Islam yang merumuskan khalifah sebagai pengganti kedudukan nabi dalam hal melaksanakan tuntutan agama khususnya dalam pentadbiran awam dan mengatur kemaslahatan dunia (Zainal Abidin, 1999). Sebelum ini, raja dipandang tinggi kerana dikaitkan dengan konsep dewa-raja (*god-king*) (Winstedt, 1961). Rakyat percaya raja mempunyai ‘daulat’ dan akan terkena ‘tulah’ jika arahannya diingkari (Zalila dan Jamilah, 1993). Lantaran itu, raja diberi kekuasaan yang tidak terbatas; titahnya dianggap undang-undang dan mesti dituruti: “*Menurut titah raja itu mau ia zalim mau tiada*” (Liew, 1982). Konsep inilah yang di kritik oleh Raja Ali Haji apabila beliau menegaskan: “...dan belum aku dapat makna raja itu dengan berbuat sebarang kehendaknya seperti ku dapat istilah setengah daripada negeri mentasybihkan, yakni mengumpamakan raja mereka dengan makna berbuat sebarang kehendaknya. Maka tasyibh ini tiada syak kepada haramnya baik tak baik membawa kepada kufur...” (Raja Ali, 1999).

### b. Sultan

Sultan berasal daripada perkataan Arab yang bermaksud “kekuatan”, “kuasa”, atau “kedudukan pemerintah” (Nina, 2005). Kemudian, perkataan ini dipergunakan kepada pemerintah-pemerintah Islam yang menuntut kedaulatan yang penuh iaitu bebas daripada bergantung kepada sebarang pemerintah yang lebih tinggi. Pemerintah pertama yang menggunakan gelaran “sultan” ialah Mahmud al-Ghaznawi (1295-1304M) (Hamka, 2001). Beliau berpidato di atas mimbar dengan menyebut dirinya kadang-kadang sebagai “*Sultan al-A’zam*” (Penguasa Paling Besar) dan kadang-kadang dengan “*Sultan al-Islam wa al-Muslimin*” (Penguasa Islam dan kaum Muslimin). Akhirnya, gelaran “Sultan” turut dipakai oleh pemerintah-pemerintah Islam yang lain (Farid, 2007).

Pemerintahan di Alam Melayu turut menerima pakai gelaran “Sultan” seperti Kesultanan Melayu Melaka, Kesultanan Melayu Johor dan sebagainya. Perkataan ‘kesultanan’ merujuk kepada kawasan atau wilayah yang diperintah oleh sultan. Manakala, Raja Perempuan, Tengku Ampuan, dan Permaisuri digelar “Sultanah” (Teuku Iskandar, 2005). Menurut Auni Abdullah (2005), ini adalah kesan daripada proses Islamisasi ke atas sistem pemerintahan Melayu-Hindu kepada sistem pemerintahan Melayu-Islam yang telah berlaku tahap demi tahap.

Sesuai dengan makna sultan iaitu orang yang mempunyai kekuatan atau kuasa dalam pemerintahan negara, maka Raja Ali Haji menjelaskan fungsi raja ialah menguatkuasakan hukuman secara saksama ke atas rakyat yang berada di dalam wilayah kekuasaannya. Hal ini dinyatakan dengan jelas sebagaimana berikut: *“Jika dikatakan raja itu dengan makna sultan maka iaitu mengeraskan hukuman atas segala rakyatnya dengan hukuman yang adil yang datang daripada Allah dan rasul-Nya.”* (Raja Ali, 1999)

Daripada ilustrasi di atas jelas menunjukkan bahawa Raja Ali Haji menolak kepimpinan yang tidak melaksanakan syariat Islam. Oleh sebab itu, fungsi raja sebagai sultan ialah menjalankan hukum dengan adil, dan hukuman itu datangnya dari Allah s.w.t yang disampaikan melalui perantaraan Rasul-Nya. Dengan kata lain, hanya undang-undang Islam sahaja yang adil. Justeru, raja yang mempunyai kuasa dan berhak sepenuhnya di atas urusan atau pemerintahan negara bertanggungjawab menegakkan dan memelihara sebuah *Daulah Islamiyah*.

### c. Imam

Perkataan *Imam* dari segi etimologi bermaksud orang yang menunjukkan jalan kepada sesuatu arah atau tempat; atau orang yang memimpin dengan menunjukkan peribadi dan perbuatan yang baik (Idris, 196). Al-Quran secara eksplisit banyak menyebutkan kata *imam* misalnya dalam surah al-Isra' ayat 71, Hud ayat 17, al-Furqan ayat 74, al-Baqarah ayat 124, al-Anbiya' ayat 72 dan 73, al-Qashash ayat 5 dan 41 serta al-Taubah ayat 12. Secara keseluruhannya kata *imam* yang terdapat dalam ayat-ayat di atas menunjukkan kepada makna ‘pemimpin yang membawa kepada kebaikan’. Manakala, menurut Idris (1986), dalam peradaban Islam istilah imam mempunyai makna yang tersendiri. Beliau meminjam ulasan yang diberikan oleh Sami G. Hajjar bagi menjelaskan makna Imam, iaitu:

*Within the general Islamic context the term Imam means “the person who leads the congregation in prayer.” Historically, in orthodox Islam (Sunni) the Caliph, or political head of the community, was also the Imam, the person who leads the congregation in prayer. As the Muslim community expanded beyond the City-State of Medina after the death of the prophet Muhammad and the reign of the “Rightly Guided Caliph (the first four Caliphs), each Congregation selected its own imam, usually a learned man*

*in religious matter but unlike the Caliph-Imam without political role in the community.*

Buktinya, Rasulullah s.a.w. menjadi imam dalam solat dan baginda dianggap pemimpin tertinggi kaum muslimin. Ketika baginda sakit, Abu Bakar menggantikannya mengimami solat bersama-sama dengan jemaah kaum muslimin. Kenyataan itu dianggap oleh segolongan kaum muslimin, menjadi bukti yang jelas tentang lebih berhaknya Abu Bakar menjadi ketua negara sesudah Nabi s.a.w. wafat (Hamka, 2001). Ketua-ketua negara Islam sesudah Abu Bakar wafat, mengikuti jejaknya, sehingga hampir setiap ketua negara itu menjadi imam dalam solat. Akhirnya jawatan imam dalam solat itu hampir merupakan tugas ketua negara (Fuad, 2002).

Sebagai seorang ulama' dan penasihat kepada pemerintah, Raja Ali Haji melihat antara punca kepada kacau bilau sehingga boleh menjelaskan sesebuah kerajaan adalah disebabkan oleh peribadi pemimpinnya yang rosak (Noriah, 2006). Justeru, beliau menyeru supaya golongan pemerintah khususnya raja membaiki diri agar dapat menjalankan pentadbiran dengan berkesan. Untuk mendapat pentadbiran yang lebih berkesan, raja mestilah dihormati oleh rakyat bukan sahaja dari segi kekuasaannya tetapi juga peribadi mereka sendiri (Zalilah dan Jamilah, 1993). Sesuai dengan istilah imam iaitu pemimpin yang mempunyai keperibadian yang baik, maka menghubungkan raja dengan makna imam adalah berkait rapat dengan usaha Raja Ali Haji untuk memperingatkan pemerintah supaya memperlihatkan ciri-ciri kepimpinan Islam yang baik. Hubungan tersebut dipertalkan oleh Raja Ali Haji (1999) sebagaimana berikut:

*“Dan jika dikata raja itu dengan makna imam maka iaitu ikutan segala rakyatnya pada segala hukuman dan perintahnya yang tiada membawa kepada kufur dan maksiat. Makna imam itu dihadapan yang diikut perintahnya sebab itulah Bani Israel kemudian daripada nabi Allah Musa a.s minta mereka itu pada berperang dengan jalan Allah Ta’ala seperti yang tersebut di dalam al-Quran al-‘Azim izqalu linabiyyi al-lahum ab’aslana malikan nuqatil fi sabillallah ...al-ayat. Yakni pada ketika telah berkata mereka itu bagi nabi mereka itu bangkitkan olehmu bagi kami akan seorang raja jadi kepala serta kami pada pekerjaan perang dengan jalan Allah hingga akhir ayat yang mentamamkan kisahnya. Bermula yang dikehendaki nabi-nabi pada ayat ini raja iaitu nabi Isymawil dan yang dikehendaki raja pada ayat ini raja Talut.”*

Berdasarkan kepada segala hujah dan keterangan di atas, maka dapat disimpulkan bahawa raja menurut Raja Ali Haji adalah kepimpinan tertinggi negara yang memegang tampuk kekuasaan baik dalam bidang keagamaan mahupun politik. Tanggungjawab raja adalah sinonim dengan tanggungjawab khalifah, sultan, dan imam, iaitu:

- i. Melaksanakan hukum-hukum Allah di tengah-tengah masyarakat dan negara yang diperintahnya;
- ii. bertanggungjawab menjaga keamanan dan keselamatan dan meningkatkan kesejahteraan hidup rakyatnya;
- iii. ketua kepada orang-orang Islam.

Dalam hal ini, Raja Ali Haji juga cuba membetulkan tanggapan salah masyarakat terhadap raja. Konsep taat setia yang membuta tuli kepada raja sudah tidak ‘releven’ lagi apabila dipadankan dengan ajaran Islam. Apatah lagi pemerintahan Kesultanan Riau yang berorientasikan syariah, maka pembaharuan terhadap konsep raja perlu dibuat untuk memberikan karisma dan legitimasi baru agar institusi beraja terus kekal selain dapat meningkatkan iltizam dan rasa tanggungjawab raja dalam memenuhi perintah Ilahi.

### Kriteria Raja

Seperti yang telah dijelaskan bahawa raja mempunyai tugas dan fungsi yang penting iaitu bertanggungjawab kepada Allah dan kepada rakyat. Justeru, raja perlu memiliki kriteria tertentu supaya boleh menjalankan tugasnya dengan cemerlang. Hal ini telah pun dibincangkan oleh ramai tokoh kenegaraan Islam seperti al-Farabi, al-Mawardi, Ibn Khaldun, dan lain-lain lagi. Kriteria tersebut secara umumnya meliputi kesempurnaan mental, fizikal dan spiritual (Idris, 196). Raja Ali Haji dalam kitabnya *Thamarat al-Muhibbin* bab yang pertama, fasal 1, halaman 8, menyenaraikan sebelas syarat yang perlu dimiliki oleh raja sebagaimana berikut:

*“Adapun segala syaratnya ‘ala al-jumlah bahawa hendaklah raja itu Islam yang teguh memegang ugama Islam dan laki-laki yang mukallaf dan merdeheka lagi adil yang mempunyai ijtihad yang elok dan mempunyai bicara yang baik dan pendengaran yang baik dan penglihatan yang baik dan mempunyai berani yang tetap dan yang rajin tiada jemu dan malas daripada mendirikan kerajaannya lagi pantas segera berbangkit pada tiap-tiap pekerjaan yang jadi kebijakan maka inilah setengah syarat raja atas yang dihimpunkan.”*

Berdasarkan petikan di atas, dapatlah difahami bahawa kelayakan bagi jawatan raja adalah sangat ketat. Oleh sebab itu, *Ahl al-Halli wa al-'Aqdi* hendaklah mengangkat orang yang benar-benar layak sahaja ke jawatan tersebut. Antara kriteria raja yang digariskan oleh pengarang adalah sebagaimana berikut:

- i. Berjiwa agama dan memiliki semangat keislaman yang tinggi

Raja yang berjiwa agama dan memiliki semangat keislaman yang tinggi bukan sahaja taat dan patuh kepada Allah s.w.t bahkan berusaha

menerapkan ajaran Islam dalam persekitaran kerajaannya (Abdullah Auni, 2002). Syarat ini sangat penting kerana salah satu tugas raja ialah memelihara dan menjalankan hukum Allah s.w.t. Oleh itu, hanya raja yang berjiwa sedemikian sahaja mampu menjalankan tugas tersebut. Menurut Noriah (2006), dalam falsafah politik Raja Ali Haji, raja mestilah memperlihatkan ciri-ciri kepimpinan Islam yang baik. Jika sebaliknya, raja tersebut dianggap: “*was no longer acceptable ruler. The succession should then go to the most fitting*”. Mesejnya jelas, iaitu raja mestilah seorang muslim yang taat; berjiwa agama dan memiliki semangat keislaman yang tinggi.

### ii. Lelaki

Pandangan Raja Ali Haji ini menyanggah dengan teori ketatanegaraan di Alam Melayu sebelumnya iaitu Bukhari al-Jauhari dalam karyanya yang dikenali sebagai *Taj al-Salatin* pada tahun 1603M. Dalam kitab tersebut ada menyatakan, jika sesebuah negeri itu tiada mempunyai keturunan putera raja yang lelaki, seorang perempuan bolehlah dilantik menjadi raja. Pandangan ini telah mempengaruhi pemikiran dan sikap pembesar Aceh pada masa itu untuk memilih seorang perempuan menjadi raja (Zalila & Jamilah, 1993).

Besar kemungkinan Raja Ali Haji mengemukakan syarat ini berdasarkan pemahamannya terhadap firman Allah s.w.t. dalam Surah al-Nisa’ ayat 34 yang bermaksud: “*Kaum lelaki adalah pemimpin kaum perempuan*”. Menurut Abdul Karim (2000), antara ukuran kelayakan menjadi pemimpin ialah *al-quwwah*. Syarat tersebut sinonim dengan kaum lelaki iaitu mempunyai ketabahan hati, kecekalan dalam menghadapi rintangan, ketajaman berfikir dan ketetapan dalam keputusan (Mohd Rumaizuddin, 2004).

Kemungkinan yang kedua ialah konsep raja yang difahami oleh Raja Ali Haji berbeza dengan konsep raja yang difahami oleh masyarakat Melayu sebelum itu. Masyarakat Melayu percaya raja berasal daripada keturunan yang istimewa. Raja tidak boleh dipecat dan segala perintahnya mesti dituruti: “*Menurut titah raja itu mau ia zalim mau tiada*”(Liaw, 1976). Manakala, pengantinya mestilah daripada keturunannya juga. Masalah akan timbul sekiranya raja tersebut tidak mempunyai anak lelaki. Sebaliknya, dalam *Thamarat al-Muhimmah* raja dilantik oleh *Ahl Halli wa al-'Aqdi* walaupun daripada segi praktiknya masih mengekalkan sistem monarki. Institusi ini boleh memaqqulkan raja dan menggantikannya dengan yang lain. Oleh itu tidak timbul masalah pengganti sekiranya raja tersebut tidak mempunyai zuriat lelaki.

### iii. Mukallaf

*Mukallaf* daripada segi etimologi bermaksud orang yang dibebankan. Manakala daripada segi istilah pula bermaksud seorang yang mampu

bertindak berdasarkan kehendak hukum syarak (Wahbah al-Zuhaili, 2003). Oleh itu, dapat difahami bahwa *mukallaf* adalah orang yang telah dianggap mampu berfikir dan bertindak secara rasional. Sinonimnya ialah *baligh* iaitu cukup umur. Orang yang belum *baligh* tidak layak menjadi raja kerana dia belum lagi dipertanggungjawabkan (*taklif*) oleh Islam. Justeru, Raja Ali Haji menegaskan bahawa *mukallaf* merupakan prasyarat untuk dilantik sebagai raja. Pendapat ini adalah seiring dengan pandangan ijma' ulama'.

iv. Merdeka

Menurut Raja Ali Haji (1999), raja hendaklah menumpukan sepenuh masa terhadap tugas pemerintahan. Jika gagal menjaga keperihalan negeri dan rakyat seperti yang dituntut oleh Islam, maka raja tersebut harus diganti. Oleh itu, seorang hamba tidak layak menjadi ketua negara kerana ia tidak dapat mengawal urusan dirinya serta sibuk memberi perkhidmatan kepada tuannya. Ia hanya boleh dicalonkan setelah dimerdekkakan (Mustafa, 1994).

v. Adil

Untuk mendapat pentadbiran yang lebih berkesan, raja mestilah dihormati oleh rakyatnya bukan sahaja dari segi kekuasaannya tetapi juga kerana keadilannya. Adil bermaksud menghiasi diri dengan sifat-sifat yang terpuji dan menjauhkan diri daripada sifat-sifat yang keji. Dengan lain perkataan, ia mestilah seorang yang sentiasa menjauhi diri daripada perkara yang haram dan tidak dikenali dengan sesuatu sifat yang fasik dan jahat (al-Anbary, 2008).

Dalam konteks kepimpinan ia merujuk kepada raja atau pemerintah yang *komited* kepada undang-undang Islam. Menurut Raja Ali Haji (1999), raja mestilah menjalankan kewajibannya dengan betul, tegas dan adil terutamanya ketika menjatuhkan hukuman. Hal ini terlihat dalam syair seperti berikut:

*Jika yang benar kita hukumkan # dibelakang jangan kita hiraukan  
umpat dan puji kita biarkan # kepada Allah kita saksikan.*

vi. Mujtahid

Dalam *Thamarat al-Muhibbin*, Raja Ali Haji telah mensyaratkan bahawa seseorang raja itu mesti mempunyai ilmu sehingga ke tahap boleh berijtihad. Orang yang boleh berijtihad digelar *mujtahid*. Syarat ini penting kerana raja adalah tempat rujukan rakyat apabila berlaku perselisihan. Pandangan ini adalah menyamai dengan pendapat jumhur ulama' fiqh dalam soal perlantikan seseorang khalifah (Fuad, 2002). Menurut Raja Ali Haji (1999), sekiranya seseorang raja itu tidak mampu berijtihad, maka martabat dan wibawanya akan jatuh. Hal ini tergambar dalam syair berikut:

*Hendak me[ng]hukumkan tiada tahu # hendak diam hati tak mahu berpeluk tubuh tangan ke bahu # mengeluh mengucap mengata Allahu.  
Jika demikian apa jadinya # hukum tak betul dengan jalannya  
dihadapan majlis diterimanya # dibelakang kelak diumpatnya.*

vii. Sopan tutur katanya

Menurut Raja Ali Haji (1999), syarat menjadi raja itu mestilah memiliki bicara yang baik. Persoalannya, apakah yang dimaksudkan pengarang dengan ‘bicara yang baik’? Dalam hal ini, penulis mendapati tiada sarjana ketatanegaraan Islam yang menekankan ciri tersebut secara khusus sebagai salah satu ciri-ciri kepimpinan Islam. Walau bagaimanapun, ia sangat relevan jika dikaitkan dengan budaya lokal iaitu Melayu-Islam.

Masyarakat Melayu menjunjung tinggi dan mengamalkan nilai-nilai luhur budayanya dalam setiap percakapan dan tindakan atau perilakunya, terutama kesantunan dalam bercakap. Adat Melayu ada mengatakan:

*“Mulia cakap kerana beradab, bermakna bual kerana berakal, berisi bicara kerana berkira, elok berbisik kerana selidik, terpuji isyarat kerana cermat” (Tenas, 2008).*

Ungkapan ini secara tersirat memberi petunjuk bahawa setiap percakapan hendaklah dilakukan dengan penuh adab dan sopan santun. Oleh itu, apa yang dimaksudkan pengarang dengan ‘bicara yang baik’ ialah berbudi bahasa atau bersopan santun. Syarat ini adalah sesuai dengan budaya orang Melayu yang penuh sopan santun, piawai dalam bertutur kata serta arif dan bijak dalam berbahasa.

viii. Memiliki penglihatan yang baik

Menurut al-Farabi sebagaimana yang dipetik oleh Idris (1986), ketua negara hendaklah sempurna tubuh badan dan tidak cacat anggota yang boleh menjelaskan tanggungjawabnya. Ketidaksempurnaan fizikal seperti buta boleh membawa kepada kekurangan dalam pentadbiran. Oleh itu, ijma’ ulama’ bersepakat mengatakan bahawa syarat untuk menjadi pemimpin mestilah sempurna pancaingeranya. Dalam hal ini, Raja Ali Haji menegaskan bahawa syarat menjadi raja mestilah mempunyai penglihatan yang baik. Dengan lain perkataan, ia bebas daripada segala kecacatan. Walau bagaimanapun, menurut Fuad (2002) dalam bukunya *Ketatanegaraan Menurut Syariat Islam*, boleh dilantik orang yang juling matanya iaitu kecacatan yang boleh dimaafkan kerana tidak menjelaskan tugasnya.

ix. Berani

Menurut al-Mawardi (2000) ketua negara mestilah mempunyai keberanian berjihad memerangi musuh. Justeru, sifat begini penting dimiliki oleh raja dalam mempertahankan rakyatnya daripada ancaman musuh. Raja Ali Haji seolah-olah mahu menyatakan bahawa rasionalnya raja itu terdiri daripada kaum lelaki. Walau bagaimanapun, menurut Rahmat (1988) syarat ini telah dapat dipadakan dengan syarat kemampuan dalam melaksanakan tugas.

x. Rajin bekerja

Syarat rajin juga tidak dinyatakan dalam mana-mana kitab ketatanegaraan yang dikarang oleh mana-mana sarjana Islam terdahulu. Walau bagaimanapun sifat ini sangat penting dimiliki oleh raja kerana mustahil seorang yang malas dapat mengendalikan dan memimpin rakyat ke arah kesejahteraan. Justeru, Raja Ali Haji menegaskan bahawa raja mestilah seorang yang rajin terutamanya dalam menjaga atau mengawal pentadbiran negara.

xi. Suka melakukan amal kebajikan

‘Bersegera dalam melakukan amal kebajikan’ juga merupakan tambahan syarat yang dikemukakan oleh Raja Ali Haji. Mungkin apa yang dimaksudkan oleh beliau ialah raja hendaklah peka dengan masalah rakyat dan negara. Kebajikan rakyat tidak boleh diabai dan ‘membaiki’ negara tidak boleh ditangguh. Dalam konteks kehidupan beragama pula, aktiviti keagamaan dihidupkan dan rumah-rumah ibadat didirikan. Justeru, raja tidak boleh kedekut kerana asyik mengumpul harta kekayaan sehingga lengah dalam melakukan amal kebajikan.

**Memaqzulkan raja**

Maqzul berasal daripada perkataan dalam bahasa Arab iaitu *nazala* yang bermaksud menurunkan seseorang pada suatu tempat atau memberhentikan seseorang daripada memegang sesuatu jawatan (Husin al-Habsyi, 1989). Justeru, apa yang dimaksudkan dengan ‘memaqzulkan raja’ ialah bagaimana seorang raja itu boleh diturunkan daripada takhta pemerintahan. Menurut Fuad (2002) antara sebab-sebab pemimpin negara seperti raja dimaqzulkan atau digantikan ialah;

- i. Meninggal dunia;
- ii. Meletakkan jawatan;
- iii. Hilang sifat dan kelayakannya seperti murtad, gila berpanjangan, cacat anggota tubuh yang mengakibatkannya tidak mampu melaksanakan tugas secara wajar;

- iv. Ditawan oleh orang kafir dan tidak diharapkan lagi kebebasannya;
- v. Hilang *syaukah* iaitu wibawa dan kekuasaan jika seorang raja itu memperolehi kuasa melalui kekerasan sedangkan syarat imam al-'zam tiada padanya. Jadi, apabila kekuasaan atau *syaukahnya* hilang, maka dengan sendirinya gugurlah hak jawatannya sebagai raja yang memerintah negara itu daripadanya.

Berhubung dengan masalah ini, Raja Ali Haji (1999) pada fasal 4 dalam *Thamarat al-Muhimmah* iaitu perihal penurunan atau pemecatan raja ada menjelaskan:

*Sebermula adapun Imam al-A'zam yakni sultan, tiada boleh diturunkan daripada kerajaan jika hilang sifat adilnya sekalipun. Inilah yang tersebut di dalam matan kitab Jauharah at-Tauhid dengan katanya, "Falaisa yu'zalu ay-yazula wasfahu", yakni tiada boleh diturunkan raja itu daripada kerajaannya jika hilang sifat adilnya sekalipun. Kemudian maka meistisna'kan pula dengan katanya, "illa bikufrin fantabizna 'ahdahu", yakni melainkan jika ia kufur berpaling daripada agama Islam, sama ada pada perkataan atau kelakuan, atau menghalalkan yang haram dan aksunya yang membawa kepada kufur, maka iaitu kita lepaskanlah janjinya, yakni tiadalah harus kita berajakan dia.*

Selanjutnya beliau menambah:

*Akan tetapi tersebut di dalam syarah Jauharah at-Tauhid iaitu Ithaf al-Murid serta syarahnya beberapa taifah ulama' seperti Syafi'i sekiranya mengata mereka itu, "tiada boleh diturunkan raja itu daripada kerajaannya dengan sebab jahat dan fasik. Akan tetapi harus diganti dengan lainnya, jika tiada hasil dengan demikian itu fitnah dan harus pula turun daripada kerajaannya [jika] lemah ia daripada masalah al-muslimin yakni lemah ia daripada membaiki orang yang muslimin yang dibawah takluk kerajaannya. Dan harus pula turun daripada kerajaannya dengan sebab tertawan musuhnya yang tiada harap akan lepasnya. Dan demikian pula harus turun daripada kerajaannya jika ia gila yang mutabaqah atau buta atau tuli dan bisu. Dan apabila diperolehnya segala sifat yang tersebut itu haruslah ia minta ganti kepada siapa-siapa yang patut akan gantinya". Inilah hukum yang tersebut di dalam kitab Ithaf al-Murid.*

Berdasarkan dua petikan di atas, maka dapat difahami bahawa teori Raja Ali Haji berhubung dengan cara memaqzulkan raja adalah berlandaskan dua peraturan yang telah ditetapkan. Pertama, jika berdasarkan kitab Jauharat al-Tauhid, raja tidak boleh dimaqzulkan sekalipun hilang keadilan kecuali jika terkeluar daripada agama Islam iaitu murtad. Kedua, jika berdasarkan kitab Ithaf al-Murid, iaitu pandangan Imam al-Syafi'i; raja yang tidak adil (zalim) patut diganti kerana ia akan mendatangkan fitnah jika dibiarkan terus berkuasa. Selain itu, raja juga

boleh dimaqzulkan jika baginda lemah menjaga kebajikan umat Islam, berpenyakit gila, buta, tuli dan lain-lain yang boleh menjelaskan peranannya sebagai raja secara berkesan.

Berpandukan pandangan inilah, maka kritikan terhadap beliau sebagai ketua Ahlul Halli wa al-Aqdi iaitu lembaga yang bertanggungjawab melantik raja dalam Kesultanan Johor-Riau-Lingga kerana enggan memaqzulkan Sultan Mahmud IV yang gagal memperlihatkan ciri-ciri kepimpinan Islam yang baik telah dapat dijawab. Begitu juga dapat difahami mengenai sikap beliau yang tidak menentang apabila pihak Belanda menyengkirkan Sultan Mahmud IV daripada takhta Istana Lingga pada tahun 1857.

## KESIMPULAN

Berdasarkan kepada huraian di atas dapat disimpulkan bahawa perlantikan dan pemilihan raja bukanlah dibuat secara mudah. Ini kerana tugas dan tanggungjawab raja amat berat dan memerlukan kekuatan fizikal, ketajaman pemikiran, keberanian dan ketegasan yang jitu serta memiliki tahap keimanan yang tinggi. Ringkasnya, pandangan Raja Ali Haji mengenai syarat-syarat menjadi raja hampir menyamai dengan pandangan beberapa ulama' seperti al-Mawardi dalam kitabnya *Ahkam al-Sultaniyyah* dan al-Khatib dalam kitabnya *Mughni al-Muhtaj* mengenai syarat yang mesti ada pada seseorang yang akan dilantik menjadi ketua negara (khalifah). Walau bagaimanapun, beliau tidak memasukkan suku Quraisy sebagai salah satu syarat sebagaimana yang disenaraikan oleh al-Khatib dan al-Mawardi tetapi memasukkan beberapa syarat lain yang dirasakannya sesuai dan perlu dalam konteks budaya Melayu-Islam pada masa itu.

Sebagai ketua negara, raja adalah khalifah Allah, sultan dan imam. Fungsi raja dalam konteks seorang khalifah ialah menegakkan agama Islam dalam pemerintahannya dengan berdasarkan al-Quran, hadith dan ijma' ulama'. Manakala, fungsi raja dalam konteks seorang sultan ialah menjalankan hukuman dengan adil berdasarkan kepada hukum syarak. Dengan kata lain, segala bentuk pemerintahannya termasuklah hukuman yang dilaksanakan hendaklah berlandaskan al-Quran dan hadith. Seterusnya, fungsi raja dalam konteks seorang imam perlu menjadi ikutan pengikutnya. Dalam lain perkataan, perlantikan dan pemilihan raja bukanlah dibuat secara mudah. Ini kerana tugas dan tanggungjawabnya amat berat. Oleh itu, pemimpin atau raja yang hendak dilantik mestilah dari kalangan yang terbaik; zuriat atau keturunan mulia, mempunyai kekuatan fizikal dan mental, luas pengetahuan dan memiliki tahap keimanan yang tinggi.

Dalam menggariskan syarat-syarat untuk menjadi raja seperti mana yang diperturunkan oleh pengarang sememangnya tepat menuruti kehendak sistem perundangan Islam. Semua syarat tersebut adalah di antara syarat yang jelas dan nyata sekali menjadi keperluan perlantikan seseorang pemimpin atau raja. Tanpa nilai-nilai atau syarat-syarat ini sudah tentu akan

melahirkan pemimpin yang lemah dan tidak mampu menunaikan tanggungjawab *zill Allah fi al-ard* di dunia ini.

## RUJUKAN

- Al-Quran. (1980). *Pimpinan Tafsir al-Rahman*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.
- Abdul Karim Zaidan. (2000). *Islam dan Politik Kenegaraan* (ter). Selangor: Persatuan Ulama Malaysia.
- Abdul Jalil Borhan. (2002). *Pentadbiran Undang-Undang Islam Johor*. Skudai:Penerbit UTM.
- Abu Hassan Sham. (1980). “Tariqat Napsyabandiah dan Peranannya dalam Kerajaan Melayu Riau Sehingga Awal Abad Kedua Puluh” dalam Prof Khoo et al (sidang Pengarang) *Tamadun Islam di Malaysia*. K.L: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Ahmad Sunawari Long. (2007). *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi, Selangor: Jabatan Usuluddin Dan Falsafah, UKM.
- Auni Abdullah. (2005). *Tradisi Pemerintahan Islam dan Kolonialism dalam Sejarah Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Darulfikir.
- Al-Anbariy. (2008). *Sistem Politik Islam Menurut Pandangan al-Quran, al-Hadis dan Pendapat Ulama' Salaf*(ter). Kuala Lumpur: Telaga Biru.
- Al-Mawardi. (2000). *Al-Ahkam al-Sultaniyyah*. Beirut: al-Maktab al-Islami
- Cesar Adib Majul. (1988). *Islam di Filipina* (ter). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Farid Mat Zain. (2007). *Islam di Tanah Melayu Abad ke-19*. Shah Alam: Karisma Publications.
- Fuad Said H.A. (2002). *Ketatanegaraan Menurut Syariat Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hamka. (2001). *Sejarah Umat Islam*. Singapura: Pustaka Nasional.
- Hooker, Virginia Matheson. (1998). *Tuhfat al-Nafis*. Seri Kembangan: Yayasan Karyawan dan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Idris Zakaria. (1986). *Teori Kenegaraan al-Farabi*. Bangi: UKM.
- Liaw Yock Fang. (1982). *Sejarah Kesusastraan Melayu Klasik*. Singapura: Pustaka Nasional.
- M. Abdul Mujieb. (1977). *Kamus Istilah Fiqh*. Selangor: Advance Publication.
- M. Quraish Shihab. (1992). *Membumikan al-Quran*. Jakarta: Mizan Khazanah Ilmu-Ilmu Islam.
- Mahmud Saedon A. Othman. (1996). *Institusi Pentadbiran Undang-Undang & Kehakiman Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Ikhlas R., Rahimin Affandi A.R. & Wan ailan Kamaruddin. (2018). Peranan Sultan dalam perkembangan Islam di Negeri Pahang. *Jurnal Pengajian Melayu*, 29.

- Muhammad Pisol Mat Isa. (2001). *Jihad dalam Politik & Persoalan Negara mengikut pandangan Said Hawwa*. Bahau: M Khali Enterprise.
- Mustafa Daud. (1994). *Pengantar Politik Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Rumaizuddin Ghazali. (2004). *Sains Politik Islam*. Selangor: PTS.
- Nina M. Armando (ed), et.al. 2005. *Ensiklopedia Islam*. Jakarta: Ichtiar Baru Van Hoeve.
- Noriah Taslim. (2006). *Dunia Sahibul Hikayat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rahmat. O.K. (1988). *Republik atau Monarki*. Singapura: Pustaka Nasional.
- Raja Ali Raja Ahmad. (1999). *Thamarat al-Muhimmah*. Kuala Lumpur: Khazanah al-Fathaniyyah.
- Suzanana Othman & Muzaffar Murad. (2008). *Ahlul Bait (Keluarga Rasulullah SAW & Kesultanan Melayu)*. Selangor: Crescent News (KL).
- Tenas Affendy. (2008). *Syarahan Raja Ali Haji 2008*. Anjuran PLM dengan kerjasama DBP.
- Teuku Iskandar. (2005). *Kamus Dewan (edisi keempat)*. Kuala Lumpur: DBP.
- Yahaya Jusoh & Kamarul Azmi Jasmi. (2006). *Pendidikan Politik dan Khilafah Islam dalam pelbagai perspektif*. Skudai:UTM.
- Wahbah al-Zuhaili. (2003). *Al-Wajiz fi Usul al-Fiqh*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Winstedt. R.O. (1961). *The Malays, A Culture History*. London: Routledge & Kegan Systems.
- Zalila Sharif & Jamilah Ahmad. (1993). *Kesusasteraan Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainal Abidin Borhan. (1999). *Warisan Persuratan Johor II. Perundangan dan Ketatanegaraan Melayu*. Johor Bahru: Yayasan Warisan Johor.